

**TEKS PERGULUNGAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022**  
**PENGGAL PERTAMA**

Salam sejahtera dan salam reformasi. Terima kasih kepada Tuan' Yang di-Pertua DUN yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ini. Saya ingin menjawab isu dan soalan berkaitan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa.

**Bayaran PBT**

Bagi menjawab soalan YB Pulau Tikus berkaitan dengan Bayaran kompaun bagi kesalahan meletak kereta yang ditetapkan pada kadar RM30,

Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkaitan nilai RM30 mempunyai nilai yang berbeza bagi individu yang berbeza pendapatan, namun kadar RM30 kesalahan TLK adalah antara yang terendah bagi kategori Majlis Bandaraya. Kompaun yang dikenakan juga boleh dibayar ketika diberi diskaun. Diskaun sehingga 50% jika dibayar dalam 14 hari serta Majlis akan membuat diskaun pembayaran kompaun setiap tahun. Saya bagi satu contoh: kadar kompaun atas kesalahan TLK Majlis Daerah Besut adalah sebanyak RM30 juga. Tapi Kerajaan negeri ambil maklum serta akan mempertimbangkan cadangan YB Pulau Tikus,

**Perumahan Mampu Milik**

Selain itu, tadi ketua pembangkang mengatakan bahawa isu gelandangan merupakan kegagalan kerajaan negeri menyediakan rumah kos rendah. Saya hendak mengingatkan kepada semua ahli dewan yang berada di dalam dewan ini, seperti yang kita maklum kerajaan negeri dalam usaha menyediakan sebanyak 220,000-unit rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang menjelang 2030 dan sekitar 119,000-unit sudah diduduki serta berada dalam pelbagai fasa binaan.

Selain itu, sasaran kerajaan negeri menyediakan 220,000-unit rumah mampu milik pelbagai kategori menjelang tahun 2030, seperti yang termaktub dalam Visi Penang2030, Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 yang dirangka juga adalah sebahagian daripada usaha kerajaan negeri bagi mengatasi isu permasalahan perumahan di Pulau Pinang.

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) kini mempunyai rancangan perumahan untuk lima tahun iaitu Pelan Induk Perumahan bermula tahun 2021 sehingga 2025 bagi membangunkan 7,838-unit rumah mampu milik.

Di bawah rancangan ini terdapat 14 projek (projek rumah mampu milik – 9, projek pembaharuan semula – yang mana kini pihak LPNPP sedang mencari suatu jenama yang akan dikenali sebagai 'Rumah Mampu Milik Penang' atau 'RMMPg',” mungkin ketua pembangkang

boleh buat semakan melalui website eRumah Penang jika meragui fakta yang telah disampaikan.

Kerajaan negeri melalui ketua menteri juga mengambil inisiatif untuk berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya memberikan perhatian terhadap isu bekalan rumah mampu milik di Pulau Pinang. Walaupun Pulau Pinang merupakan negeri pembangkang namun, KPKT tidak harus menganak tirikan rakyat Pulau Pinang.

Kerajaan negeri juga berharap Bank Negara dapat meneliti semula polisi pinjaman perumahan bagi memudahkan proses rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. banyak cara yang boleh diambil pihak bank sekiranya mahu mengurangkan risiko yang terpaksa ditanggung apabila meluluskan pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah, antaranya mengurangkan kadar faedah dan memberi tempoh bayaran pinjaman lebih panjang.

Akhir Kata Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sentiasa komited dalam menyediakan perumahan mampu milik pelbagai kategori bagi membolehkan rakyat di negeri ini memiliki rumah. Terima kasih diucapkan kepada kerajaan negeri, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan agenda dan cadangan projek perumahan mampu milik di Pulau Pinang.

Sekian sahaja daripada saya.

**Nur Mushawwir Hrsikesa**

**N29 Datok Keramat**

**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

